

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MEI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Kumpul semua insentif, bantuan digital, teknologi di bawah satu tetingkap

Kumpul semua insentif, bantuan digital, teknologi di bawah satu tetingkap

Kuala Lumpur: Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) untuk mengumpul semua insentif serta bantuan berkaitan digital dan teknologi di bawah satu pendekatan dasar tetingkap tunggal.

Menterinya, Rafizi Ramli berkata, pendekatan sedemikian penting untuk memastikan insentif dan bantuan yang dilaksanakan mencapai sasarannya dan memberi manfaat besar kepada rakyat, perniagaan

dan industri secara keseluruhan.

Beliau berkata, pada masa ini, terdapat banyak insentif dan bantuan disediakan pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan dan ia membabitkan pelbagai peringkat.

Justeru, katanya, dengan adanya sistem semuka tunggal membolehkan syarikat pemula teknologi untuk memohon bantuan atau insentif diperlukan menerusi satu platform saja, tanpa pergi ke pelbagai kementerian dan agensi.

Jelasnya, Kementerian Ekonomi bersama KKD dan



RAFIZI

Mosti, akan membawa semua agensi berkaitan bersama-sama untuk mem-

bincangkan dan memetakan keseluruhan proses dan menentukan kementerian dan agensi yang bertanggungjawab melaksanakan proses yang berkaitan memastikan kelancaran pelancaran penyatuan insentif.

"Kami berharap dapat bekerjasama dengan KKD dan Mosti dan semua agensi untuk mengumumkan kemajuannya. Kami sasar (mengumumkan kemajuan itu) menjelang Ogos ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Forum Ekonomi Nasio-

nal 2023 anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), semalam.

Hadir sama, Presiden NCCIM Tan Sri Soh Thian Lai.

Rafizi berkata, semakin jelas kini, pelaburan yang banyak dalam ekonomi digital dan hijau adalah laluan yang betul menuju ke depan.

Beliau berkata, bukti juga semakin meningkat di seluruh dunia bahawa teknologi digital menyumbang kepada pertumbuhan, produktiviti, pekerjaan dan pengurangan kemiskinan.